



AKTIVITI-AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL SEMPENA HARI TERBUKA UNISEL 2023



**BICARA PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN PEMBINA
TAMADUN**

**PAMERAN SEMPENA HARI
KEMERDEKAAN DAN HARI
MALAYSIA 2023**



PEMBUKA BICARA

**PENASIHAT**

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR

Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK

Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &
JURUFOTO**Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL**PENGEDARAN**

Unit LSDM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran keempat pada tahun 2023 (Julai - Ogos 2023), Perpustakaan UNISEL telah membuat persiapan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti sempena Hari Kemerdekaan & Hari Malaysia, Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor Ke 17 serta Hari Terbuka UNISEL 2023. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan penyertaan dari pelbagai peringkat umur dan menjanjikan hadiah yang lumayan kepada pemenang.

Antara aktiviti yang terawal adalah pameran sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023. Objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk memberi maklumat tentang sejarah Malaysia khususnya bermula pada detik kebangkitan, pra kemerdekaan serta era perkembangan nasionalisme sehinggalah saat kemerdekaan dicapai.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL juga telah menerima sumbangan koleksi buku dan kitab daripada Yayasan Heritage Kuwait yang diuruskan oleh Pegawai Kedutaan Malaysia di Kuwait. Perpustakaan UNISEL juga menerima sumbangan buku dari alumni UNISEL yang juga penerima Anugerah Canselor 2020 pada Istiadat Konvokesyen UNISEL ke-15.

Akhir sekali, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan Selamat Hari Merdeka kepada seluruh rakyat Malaysia. Semoga semangat kemerdekaan terus berkobar di dalam jiwa kita dan mari kita kenang jasa para pahlawan yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

Pameran Sempena Hari Kemerdekaan Dan Hari Malaysia 2023	1
Aktiviti-Aktiviti Perpustakaan Unisel Sempena Hari Terbuka Unisel 2023	2
BICARA PUSTAKAWAN: Perpustakaan Pembina Tamadun	4
Program Literasi Maklumat	9
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	11
Album Pelawat & Lawatan	15
Ulasan Buku	17
E-Resources	18

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam

Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-55223596

Emel: zairil@unisel.edu.my

PAMERAN SEMPENA HARI KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2023



Hari kemerdekaan adalah hari yang penuh bersejarah bagi setiap rakyat Malaysia. Pada tahun 2023 adalah tahun pertama sambutan kemerdekaan di bawah pentadbiran kerajaan perpaduan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bertemakan "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan". Perpustakaan UNISEL mengorak langkah dengan mengadakan pameran sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya bermula 21 Ogos hingga 21 September 2023.

Projek pameran di perpustakaan ini diketuai oleh Pustakawan, Puan Raudah Rajab. Segala bahan pameran telah dikumpul lebih awal untuk memastikan pameran ini memberi impak positif dan informasi berguna kepada pengunjung perpustakaan. Fakta-fakta dan teks sejarah ini juga menjadi lebih menarik dengan dihiasi gambar tokoh-tokoh pejuang

dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di sepanjang perjalanan meniti kemerdekaan. Ini bukan sahaja membolehkan pembaca memahami mengenai kemerdekaan malah dapat menghayati serta melihat imbasan detik-detik bersejarah tersebut. Selain itu, pengguna perpustakaan juga berpeluang membaca buku-buku mengenai sejarah kemerdekaan yang turut dipamerkan di lokasi pameran. Informasi berkenaan

Malaysia Madani juga dipamerkan untuk rujukan para pengunjung. Selain itu, untuk menaikkan lagi semangat kemerdekaan, bendera Malaysia di letakkan di setiap sudut bangunan bagi menghiasi bangunan perpustakaan disepanjang bulan kemerdekaan.





AKTIVITI-AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL SEMPERNA HARI TERBUKA UNISEL 2023

Sempena Hari Kemerdekaan & Hari Malaysia, Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor Ke 17 serta Hari Terbuka UNISEL 2023, pelbagai program telah disusun oleh Perpustakaan UNISEL bermula 21 Ogos 2023 hingga 21 September 2023. Pelbagai aktiviti menarik yang dianjurkan meliputi Siri Bicara Buku, Pameran Sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023, Cabaran Tiktok : Pertandingan Video Pendek sempena Bulan Patriotik, Pameran Sempena Konvokesyen UNISEL Ke 17, Photo Booth percuma, Jualan Buku UNISEL Press, Pertandingan Bercerita Kanak-Kanak dan Running Man Versi Perpustakaan UNISEL 3.0. Semua program berlangsung di Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ini ada yang telah dianjurkan pada tahun lepas dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan juga terdapat aktiviti baru yang dianjurkan ada tahun ini. Pada tahun ini, semua aktiviti melibatkan pelbagai peringkat umur. Terdapat aktiviti yang melibatkan penyertaan kanak-kanak (Pertandingan Bercerita Kanak-Kanak), pelajar UNISEL (Cabaran Tiktok : Pertandingan Video Pendek sempena Bulan Patriotik dan Running Man Versi Perpustakaan UNISEL 3.0) dan semua pengunjung Perpustakaan UNISEL.

Aktiviti-aktiviti ini dianjurkan adalah untuk mempromosikan Perpustakaan UNISEL yang telah melalui pelbagai transformasi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan kemudahan yang selesa kepada pengguna perpustakaan dari kalangan pelajar dan staf UNISEL.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- Terbuka kepada Pelajar UNISEL dari kedua-dua kampus
- Penyertaan adalah percuma
- Terbuka kepada lima (5) kumpulan di mana setiap kumpulan perlu diwakili oleh tiga (3) orang peserta
- Peserta perlu menyelesaikan tugasan di lima (5) check point yang telah ditetapkan
- Lokasi yang terlibat adalah di Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya

Tempoh Pendaftaran: 28 JULAI 2023 - 6 SEPTEMBER 2023

Whatsapp: 010-6341100

Tempat	Tempat	Tempat	Tempat	Tempat
PERTAMA	KEDUA	KETIGA	KEEMPAT	KELIMA
& Sijil Penyertaan	& Sijil Penyertaan	& Sijil Penyertaan	& Sijil Penyertaan	& Sijil Penyertaan

Maklumat lanjut, sila hubungi :
Pn. Adina Roduan (03 22805083)
nur_adina@unisel.edu.my unisel@library

Jualan Buku UNISEL Press

Tarikh : 07 - 10 September 2023
Hari : Khamis-Ahad
Masa : 9.00am - 5.30pm
Tempat : Aras Bawah, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya

PERPUSTAKAAN UNISEL HARI TERBUKA UNISEL 2023

PERTANDINGAN BER CERITA

**9 September 2023 (Sabtu)
10.00 pagi**

**SUDUT KANAK-KANAK
PERPUSTAKAAN UNISEL I KAMPUS BESTARI JAYA**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun
- Tema : "SEMANGAT KEMERDEKAAN & NILAI-NILAI MURNI"
- Tempoh Masa : 3 Minit
- Bebas jika ingin menggunakan buku-buku di perpustakaan atau milik sendiri
- Setiap cerita yang disampaikan hendaklah tidak mempunyai elemen sensitif seperti perkauman, agama, politik dan menyentuh sensitiviti individu
- Peserta hendaklah berpakaian sopan dan bebas menggunakan kostum atau latarbelakang (Props) mengikut kreativiti sendiri



***Sila IMBAS KOD QR untuk penyertaan.**

<i>Wang Tunai</i>	TEMPAT PERTAMA RM50 & Sijil Penyertaan	TEMPAT KEDUA RM30 & Sijil Penyertaan	TEMPAT KETIGA RM20 & Sijil Penyertaan	SAGUHATI KEEMPAT HINGGA KESEPULUH SAGUHATI & Sijil Penyertaan
-------------------	--	--	---	---

*Maklumat lanjut, sila hubungi : Pn. Khuzaimah Zakaria (03 55223566) khuzaimah@unisel.edu.my

Maklumat lanjut, sila hubungi : Pn. Norliza Abd Hamid (03 32805086) norliza@unisel.edu.my

CABARAN Tik Tok

Sempena Bulan Patriotik
Pertandingan Video Pendek

Syarat-Syarat Penyertaan

- Peserta boleh menghantar dua (2) video pertandingan namun hanya satu (1) sahaja yang layak mendapat hadiah
- Penyertaan terbuka kepada semua pelajar UNISEL. Peserta harus mengikuti akaun media sosial Perpustakaan @uniselibrary
- Video yang dihasilkan mestilah idea dan karya asal serta tidak mengandungi isu-isu sensitif dan melanggar undang-undang
- Video boleh dihantar dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek, iklan, video trending atau mesej khidmat awam
- Video yang dihasilkan perlu dimuatnaik ke akaun tiktok persendirian DAN PERLU :
 - Tag akaun tiktok @uniselibrary di bahagian kapsyen.
 - Menggunakan tanda pagar (hashtag) #PatriotikLibrary #uniselibrary #videolibrary

Keputusan juri adalah muktamad

Tempoh Penyertaan : 14 Ogos 2023 - 25 Ogos 2023

Reload Pin 	TEMPAT PERTAMA RM150 & Sijil Penyertaan	TEMPAT KEDUA RM100 & Sijil Penyertaan	TEMPAT KETIGA RM50 & Sijil Penyertaan
---	---	---	---

Maklumat lanjut, sila hubungi : Pn. Norliza Abd Hamid (03 32805086) norliza@unisel.edu.my

Selamat Datang

PERPUSTAKAAN

PAMERAN SEMPENA HARI KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA

TARIKH : 21 OGOS - 21 SEPTEMBER 2023
TEMPAT: ARAS BAWAH, PERPUSTAKAAN UNISEL, KAMPUS BESTARI JAYA




PERPUSTAKAAN PEMBINA TAMADUN

OLEH: MUHAMMAD HJ. SALLEH (SASTERAWAN NEGARA)



Membina dan mengurus perpustakaan adalah suatu tradisi tua, kemungkinan bermula Iskandariah, Mesir, dengan karya Yunannya. Selepas itu, tradisi itu dikembangkan oleh scriptoria Eropah, gedung dan ruang menyimpan naskhah mengenai agama dan lainlainnya. Daripada biara tradisi ini ia menjalar kepada pusat pengajian, perbadanan dan orang perseorangan. Perpustakaan yang baik ini jelas dibina bukan saja oleh arkitek yang luar biasa tetapi juga suatu tradisi ilmu yang tua dan dipupuk dengan pelbagai kasih sayang.

Apakah yang menjadi penggerak utama kepada perpustakaan di Eropah, atau secara umumnya? Dr Roger Tol, Mantan Ketua Pustakawan Perpustakaan Institut Diraja Bahasa, Geografi dan Antropologi (KITLV), di Leiden, menjelaskan : "Ilmu itu kuasa. Orang yang memiliki ilmu juga memiliki kuasa dalam maksud yang luas, termasuk keupayaan menyelesaikan masalah, dalam maksud memiliki pengetahuan mengenai kedudukan negara

tetangga, sumber ekonomi, cara berniaga dan di zaman penjajahan pengetahuan cara hidup sesuatu dikumpul dan disimpan secara sulit. Ini kerana sesiapa yang memilikinya dapat menguasai bangsa ini".

Jadi perpustakaan muncul sebagai pusat sumber yang perlu dan menyelidik dalam bidang ini diperlukan, serta dibayar dengan nilai yang amat tinggi pula. Bangsa yang lebih lisan sifat peribadinya mempunyai tukang cerita. Bomoh, pawang sebagai penyimpan khazanah akaliah bangsa itu. Ilmu yang ada diturunkan kepada yang memerlukannya atau yang mencarinya, dan seterusnya melewati beberapa generasi.

Tetapi untuk bangsa yang sudah meninggalkan ilmu lisan dan melabur budayanya dalam kata bertulis maka penulisan, penerbitan dan pengumpulan perkataan bertulis ini menjadi kerja yang dasar dan penting. Perkataan bertulis bukan saja menjadi tradisi tua Eropah tetapi juga Asia. Namun demikian tradisi percetakan dan pengumpulan sumber bertu-

lis menjadi lebih pesat dan malah titik persaingan di antara perpustakaan dan juga bangsa Eropah, dan seterusnya dikembangkan kepada tanah jajahan di benua Amerika Utara dan Selatan dan juga Australia.

Perkataan bertulis itu dianggap kata suci - dicari dan dikaji. Filologi moden bermula daripada kajian awal itu. Naskhah, carikan halaman, bakul sampah penulis dan pemikir penting diburu untuk dikutip proses dan cara berfikir cendekiawan itu. Akhirnya, naskhah itu juga menjadi hal yang diperdagangkan (dengan harga yang tidak murah). Yang luar biasanya ialah Eropah bukan saja mengumpul naskhahnya sendiri tetapi menghantar orang ke seluruh dunia untuk mendapatkan karya-karya dari India, Jepun, China, Parsi dan Nusantara.

Sekiranya kita masuki sebuah bilik Naskah Timur di sebuah perpustakaan besar di Paris, London, atau Washington, kita akan berasa takjub dengan ratusan ribu naskhah dari Timur termasuk Jepun, China, Korea, Tibet, India,

Thailand, Burma, Indonesia-Malaysia, Parsi dan Mesir. Biasanya karya yang disimpan itu terpilih dan tercantik, kadang-kadang yang tertua pula. Oleh itu antara naskhah Melayu, mungkin juga yang tercantik, iaitu Taj al-Salatin, tersimpan di Perpustakaan Britain, (atau lebih terkenal dalam bahasa Inggerisnya sebagai British Library, London).

Ada semacam premis bahawa sesuatu bangsa itu tidak akan besar sekiranya ilmunya tidak besar, pengetahuannya tidak mendalam, dan tidak menjangkau di luar batas politiknya. Menyedari hakikat inilah maka pengumpulan dijalankan dengan teratur. Pustakawan bahagian di lantik dengan keahliannya tersendiri, ramai mereka sarjana ternama yang terus menggunakan sumber di bahagiannya untuk kajiannya. Dr Witkam, ketua bahagian manuskrip Timur di perpustakaan Universiti Leiden, misalnya adalah ahli naskhah Arab dengan beberapa tulisannya yang terkenal. Perpustakaan negara di Britain, (British Library), perpustakaan kebangsaan Perancis di Paris dan perpustakaan Kongres di Washington,

semuanya dibina untuk membandingkan kecanggihan bangsa itu, ilmunya, minatnya, jangkauan hubungannya. Terbina dalam bangunan yang tersergam, daripada batu kukuh, marmar yang pelbagai warna dan corak dan sering juga berukir dengan beratus-ratus bilik dan berpuluh-puluh bahagian, maka perpustakaan ini boleh dibaca sebagai cita-cita bangsa itu, yang pelbagai, serius dan penting.

Dengan ratusan ribu naskhah, rak-rak buku yang ribuan batu panjangnya, perpustakaan ini menjadikan tugasnya untuk menjadikan koleksinya yang terlengkap dan kemas kini, kerana seperti kata Dr. Tol, itu adalah dasar mutlak sebuah perpustakaan - kemas kini, kerana perpustakaan yang tidak kemas kini itu dengan sendirinya menjadi muzium. Maka perpustakaan ini amat bangga dengan jumlah sumbernya yang luar biasa. Sebuah perpustakaan yang besar biasanya mempunyai lebih kurang 10 juta buku pelbagai jenis dengan ribuan majalah dan akhbar.

Cukup menarik pula bahawa kita akan dapat membaca buku dan

naskhah tua Melayu di perpustakaan nasional di Britain, Perancis, Amerika Syarikat, dan pelbagai tempat lainnya seperti Hull, Den Haag, Harmburg, Venice, Manchester, Berlin dan London tidak kurang 700 dan Washington puluhan, termasuk enam dengan tulisan tangan Abdullah Munsyi. Di Leiden sendiri ada 20,000 naskhah Melayu dan Indonesia dalam Bahasa Melayu dan pelbagai bahasa daerah. Pengumpulan masih dijalankan dewasa ini. Annable Gallop, kurator bahagian Melayu-Indonesia menyatakan dengan cukup puas hati bahawa beliau baru sahaja mendapat sebuah lagi salinan sejarah Melayu melalui seorang penjual yang membelinya di suatu lelongan.

Oleh kerana perpustakaan ini cukup lengkap dan kemas kini maka pengkaji seluruh dunia datang untuk menggunakan sumbernya. Kita tentu sudah mendengar cerita bahawa Karl Marx sering bekerja di British Library di samping ribuan pengkaji lain yang juga terkenal.

Pengkaji berkumpul dari seluruh

dunia pada musim panas biasanya. Perpustakaan khusus di Leiden, yang kita anggap lebih kecil menerima pengkaji dari semua negara Jepun, Australia, Zealand Baru, Madagascar dan Amerika Syarikat. Akhirnya perpustakaan ini juga bukan hanya menyimpan buku tapi menjadi penyebar ilmu dalam pelbagai bentuk. Sering terancang ceramah mengenai pelbagai bidang oleh penyelidik terkenal, pertunjukan filem, pameran dan lain-lain. Di perpustakaan Universiti Leiden misalnya sering diadakan pameran. Antara pameran yang pernah dijalankan adalah mengenai Seribu Satu Malam. Terpamer di antara pelbagai buku asli Arab dan terjemahan dalam bahasa Eropah dan pita video dari Disneyland adalah terjemahan tua Melayu dari Singapura dan Jakarta dan juga terjemahan Jawa dan Aceh. Semua ini terbit pada akhir kurun ke-20. Sekarang dipamerkan buku mengenai bunga tulip sebagai meraikan 400 tahun mulanya ditanam bunga itu di Belanda, yang sebenarnya berasal dari Turki. Sudah beberapa tahun se-



bagai pengunjung perpustakaan dan pembaca naskhah saya berasa sedikit marah dengan situasi dimana saya harus ke Eropah untuk melihat khazanah naskhah bangsa saya sendiri. Saya menyesali hakikat bahawa karya terpenting kita harus dibaca (sekiranya ingin dilihat kertas dan bentuk aslinya) di Britain, Perancis, Belanda atau Jerman.

Namun demikian selepas berkali-kali ke Eropah dan ke Asia Tenggara, saya juga sedar betapa baiknya penjagaan perpustakaan Eropah ini ter-

hadap khazanah kita. Banyak daripada perpustakaan ini tidak terbuka kepada semua orang. Hampir semua perpustakaan memerlukan keahlian sebelum dibenarkan masuk. Malah di Bodleyn, di Universiti Oxford tempat tersimpan banyak manuskrip Melayu yang tua, seorang pengunjung itu harus bersumpah dalam bahasanya sendiri akan mematuhi peraturan perpustakaan itu. Kawalan didalamnya berlapis-lapis. Hanya pensil saja

dibenarkan dalam bilik bacaan manuskrip.

Di bilik bacaan naskhah Timur, di perpustakaan kebangsaan Perancis pustakawan bertugas sering diceritakan bagaimana sekiranya pustakawan agak kurang mempercayai kejujuran seorang pengkaji; beliau akan mengambil tempat dihadapan pengkaji itu sepanjang dia membaca di sana. Di Paris juga sekiranya seorang pembaca itu menyentuh kulit mukanya sewaktu membaca naskhah maka



dia diperingatkan bahawa seharusnya dia tidak menyentuh halaman naskhah yang dibacanya. Minyak atau peluh dari badan manusia mengandungi asid yang dapat merosakkan kertas. Bayaran untuk menjadi ahli juga, walaupun untuk masuk sekali, tidak kecil. Dengan gambar yang jelas dan alamat yang terpampang kemungkinan pembaca menjadi nakal agak kecil.


Selepas melihat drama senyap di bilik baca naskhah dan bilik rujukan saya juga berterima kasih bahawa penjagaan begini ketat membantu kelangsungan naskhah kita. Mengikut Dr. Tol, juga seorang pengkaji naskhah Bugis, kebanyakan manuskrip Indonesia di Belanda adalah sa-

linan asli atau salinan lainnya. Hanya mungkin 10 peratus dirompak. Belanda pernah mengembalikan buku penting Jawa Nagarakertagama sebagai usaha silaturahmi terhadap Indonesia, tetapi setahu saya Inggeris belum berasa perlu untuk mengembalikan apa-apa. Tetapi dalam perkongsian salinan dan sebagainya kita tidak terlalu susah untuk membaca salinan mikrofilem, mikrofisch, faksimili dan lain-lain yang sudah pun ada di Malaysia dewasa ini.

Biasanya perpustakaan dianggap sebagai tempat orang yang tidak begitu menyukai Rambo, atau orang yang tidak dapat menikmati hidup sepenuhnya. Tetapi selepas dihayati ternyata dunia ini sebenarnya penuh keajaiban dan kembaraan intelektual. Bilik bacaan perpustakaan penting, dan akhirnya menjadi ruang perkenalan, perbincangan pemikirdan sarjana - pemikir dunia. Pelbagai jenis manusia menghuni atau melaluinya - yang genius, yang pelupa, yang bercakap dengan diri sendiri, yang

melakukan manuskripnya, yang muda dan juga yang tidak mempunyai halaman hidup lain melainkan kitab di depannya. Seluruh pemikiran dan seni dunia dicari, disimpan dan ditawarkan kepada kita dalam suatu pesta akaliah yang ajaib.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



10 JULAI 2023 | Perpustakaan UNISEL telah dijemput untuk memberi taklimat di dalam Kursus Kaedah Penyelidikan (RMC) anjuran Centre for Graduate Studies (CGS). Pustakawan yang mewakili Perpustakaan UNISEL adalah Puan Nur Adna Roduan dan telah memberi taklimat bertajuk Introduction to UNISEL Library. Dihadiri oleh pelajar-pelajar pascasiswazah mod penyelidikan dan Timbalan Dekan (Akademik) Ts. Dr. Norazah Mohammad Nawawi.

17 OGOS 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.) dan Citation (Modul pelajar). Dihadiri oleh 43 orang pelajar untuk subjek Academic Writing Skills (CEA1333) dan penyarah Puan Nur Akmal Suliman.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



25 OGOS 2023 | Taklimat Perpustakaan kepada pelajar baharu bagi Program Minggu Tekad Siswa (MTS) Budiman Semester Ogos 2023 di Dewan Canselor, UNISEL Kampus Bestari Jaya. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pustakawan, Puan Nur Adna binti Roduan.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



29 JULAI 2023 | Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya telah menganjurkan program sesi bercerita bersama perpustakaan. Program yang bermula seawal jam 10 pagi dan berakhir lebih kurang jam 11.30 pagi telah menerima penyertaan yang amat menggalakkan daripada kanak-kanak yang berumur antara 3 hingga 12 tahun. Kanak-kanak ini terdiri daripada anak-anak staf UNISEL dan kanak-kanak dari penduduk setempat. Seramai 17 orang kanak-kanak telah diperdengarkan dengan 2 buah cerita yang amat menarik oleh Pustakawan, Puan Khuzaimah Zakaria. Semoga aktiviti seperti ini akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa agar dapat menyemai dan mempertingkatkan semangat berkomunikasi dalam membina hubungan silaturahim antara kanak-kanak dan Perpustakaan UNISEL.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



14 OGOS 2023 | Perpustakaan UNISEL hari ini menerima sumbangan buku dan kitab daripada Yayasan Heritage Kuwait. Urusan membawa buku dan kitab ini diuruskan oleh Pegawai Kedutaan Malaysia di Kuwait, En Mohd Radzi. Buku dan kitab ini telah diambil di kediaman beliau di Cybersouth, Dengkil. Buku ini diserahkan terus kepada Prof Madya Dr Muhammad Daoh, pensyarah kanan FESS, Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan dan Azman Ibrahim, Pustakawan. Usaha dan inisiatif ini dimulakan oleh Prof Madya Dr Muhammad Daoh dalam membantu proses mendapatkan buku-buku ini dengan pihak Kuwait.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



19 OGOS 2023 | Program sesi bercerita bersama perpustakaan yang telah berlangsung sebelum ini diteruskan lagi dalam siri kedua pada hari Sabtu, 19 Ogos 2023. Kali ini program bercerita sambil membuat kraftangan telah mendapat sambutan yang hangat daripada kanak-kanak yang berumur dari 4 hingga 12 tahun. Program yang bermula seawal jam 10 pagi dan berakhir lebih kurang jam 11.30 pagi telah memberi satu dimensi baru dan menyeronokkan kepada semua kanak-kanak dan ibubapa yang hadir. Kanak-kanak ini terdiri daripada anak-anak staf perpustakaan Unisel dan kanak-kanak penduduk setempat. Seramai 18 orang kanak-kanak telah diperdengarkan dengan sebuah cerita yang amat menarik oleh Pustakawan, Puan Norliza Mailan yang bertajuk “Ulat Bulu Yang Hodoh” dan juga sesi membuat kraftangan “Ulat Bulu Naik Daun” daripada kertas dan tisu yang telah dipimpin oleh Pustakawan, Puan Khuzaimah Zakaria. Semoga aktiviti seperti ini akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa agar dapat menyemai dan mempertingkatkan semangat berkomunikasi dalam membina hubungan silaturahim antara kanak-kanak dan Perpustakaan UNISEL.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



25 OGOS 2023 | Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan buku daripada Encik Muhammad Farid Wahid, alumni UNISEL yang juga penerima Anugerah Canselor 2020 pada Istiadat Konvokesyen UNISEL ke-15. Terima kasih atas sumbangan buku-buku tersebut dan berharap agar dapat dimanfaatkan untuk kegunaan warga UNISEL.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



26 JULAI 2023 | Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya telah menerima lawatan sambil belajar daripada pelajar dan guru SMK Serendah. Lawatan ini telah dikendalikan oleh Puan Nur Adna Roduan, Puan Norliza Mohd Mailan dan Puan Siti Suriani Misran.

23 OGOS 2023 | Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam telah menerima lawatan dari panel MQA bagi program Certificate in Islamic Chaplaincy. Turut mengiringi lawatan Ts. Dr. Norazah Mohammad Nawawi, Timbalan Dekan (Akademik) Centre for Graduate Student (CGS) dan Ts. Rasidah Sardi, Timbalan Pengarah Corporate Governance and Quality Assurance (CGQA).



ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



28 OGOS 2023 | Menerima lawatan pelajar baharu program diploma dari Fakulti Sains Kesihatan bersama pensyarah Puan Khairul Mazzura Mansor.

ULASAN BUKU




Title: Social Business Models in The Digital Economy: New Concepts and Contemporary Challenges
Edited by: Adam Jabłoński & Marek Jabłoński
ISBN: 9783030297329
Call No: HD60 .J33 2020
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)
Year of Publication: 2020
Edition: -



Presents a review of existing literature as well as current trends
 Describes the impact of the digital technology on the creation of new markets
 Describes the rules for creating new economic business models based on the assumptions of the sharing economy, the circular economy and big data concepts
 Explains the importance of the value economy in shaping social business models in the digital economy


(Sources from website "<https://link.springer.com/book/10.1007/978-3-030-29732-9>")

Title: Florence Nightingale's Notes On Nursing: What It Is And What It Is Not & Notes On Nursing For The Labouring Classes: Commemorative Edition With Historical Commentary
Edited by: Florence Nightingale & Victor Skretkowitz
ISBN: 9780826118431
Call No: RT40 .N54 2010
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)
Year of Publication: 2010
Edition: -



"Simultaneously witty, scathing, and anecdotal, Florence Nightingale's Notes on Nursing is perhaps the most influential work on nursing throughout the world. For years, the varying editions of this seminal work have puzzled scholars as well as readers. Now, Dr. Skretkowitz sets the historical record straight. This volume includes the annotated and unabridged July 1860 edition [the "Library Standard Edition"] of Notes on Nursing, the 1868 edition of Notes on Nursing [for the Labouring Classes], and additional manuscripts written by Nightingale in 1875 that she was never able to publish."--Publisher's description

(Sources from website "<https://www.worldcat.org/title/florence-nightingales-notes-on-nursing-what-it-is-and-what-it-is-not-notes-on-nursing-for-the-labouring-classes-commemorative-edition-with-commentary/oclc/658060390>")




Judul: Islam Dan Tajdid: Tinjauan Isu-Isu Dan Perspektif Semasa
Penulis: Abd. Karim Ali & Rumaizi Ahmad
ISBN: 9789832306160
No. Panggilan: BP161.3 .I99 2014
Lokasi: Kampus Shah Alam
Tahun Terbitan: 2014
Edisi: -



TAJDID atau pembaharuan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat, tidak terkecuali masyarakat Islam, adalah suatu fenomena dan keperluan. Ini memandangkan bahawa masalah dan cabaran baharu sering dihadapi oleh umat Islam. Nabi Muhammad S.A.W dalam hadithnya menyatakan tajdid akan berlaku pada setiap seratus tahun. Diantara tokoh yang sering dikaitkan dengan tajdid ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz, Imam al-Syafie, Imam al-Ghazali dan lainnya. Malahan, Gerakan tajdid merentasi dunia Islam termasuklah Malaysia.

(Petikan dari buku "Islam Dan Tajdid: Tinjauan Isu-Isu Dan Perspektif Semasa")

Title: Fragmentation of The Photographic Image in The Digital Age
Edited by : Daniel Rubinstein
ISBN: 9781138493490
Call No: TR222 .F73 2020
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)
Year of Publication: 2020
Edition: -



Fragmentation of the Photographic Image in the Digital Age challenges orthodoxies of photographic theory and practice. Beyond understanding the image as a static representation of reality, it shows photography as a linchpin of dynamic developments in augmented intelligence, neuroscience, critical theory, and cybernetic cultures. Through essays by leading philosophers, political theorists, software artists, media researchers, curators, and experimental programmers, photography emerges not as a mimetic or a recording device but simultaneously as a new type of critical discipline and a new art form that stands at the crossroads of visual art, contemporary philosophy, and digital technologies.

(Sources from website "<https://www.routledge.com/Fragmentation-of-the-Photographic-Image-in-the-Digital-Age/Rubinstein/p/book/9781032240169>")

E-RESOURCES

ACADEMIC ONEFILE

More than 18,000 periodicals including 12,500 peer-reviewed journals

Need any help, please come to the library, send us an email or call us

Business & Management - Communication & Mass Media - Education - Engineering - Information Technology - Computer Science - Environmental Science - Health Sciences and others

Multi-disciplinary | User friendly platform | Rich in content

Click for easy access to articles aligned to major topics of study | Spend less time searching and more time digging in | More than 20,000 titles available, with scholarly and peer reviewed journals

BESTARI JAYA CAMPUS
PN.NUR ADNA BINTI RODUAN
nur_adna@unisel.edu.my
+603- 3280 5081

SHAH ALAM CAMPUS
EN.ZAIRIL AZWAN BIN OSMAN
zairil@unisel.edu.my
+603- 5522 3596

Unisel Library
<http://library.unisel.edu.my>

Academic OneFile

Emerald Publishing Limited

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
Education eJournals
2023

Click **HERE** to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Educational administration and leadership
- Disciplinary education and training
- Higher education
- Sustainability in higher education
- Technology in education
- Global and comparative education
- Curriculum development and assessment
- Health education
- Web-based learning
- Distance learning

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals
2023

Click **HERE** to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- The future of trade unions
- Performance management
- Work-life balance
- Work engagement
- Remote working
- Cross-cultural employment
- Workplace identity
- Workplace bullying
- Learning & development
- The impact of levies on the labour force

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals
2023

Click **HERE** to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Management for performance
- Strategic orientation
- Cultural studies/globalisation
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Organisational behaviour
- Business ethics and law
- Contract management
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

**NEED
HELP?**



unisel  library

CONNECT WITH US

 <http://library.unisel.edu.my>

 sirkulasi@unisel.edu.my

 hat with a Librarian


If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates

03-55223566
CUSTOMER SERVICE
SHAH ALAM CAMPUS



03-55223596
REFERENCE SERVICE
SHAH ALAM CAMPUS

03-32805081/5080
BJ CAMPUS

 <http://library.unisel.edu.my>

unisel  library

 FOLLOW US: UNISEL LIBRARY